

# Tak perlu suruhanjaya siasat insiden

## 13 Mei: PM

**K**ERAJAAN tidak bercadang mengubah status dokumen rasmi atau menubuhkan Suruhanjaya Diraja bagi menyiasat insiden 13 Mei 1969, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, ini kerana insiden berkenaan sudah disiasat dan dilihat dari pelbagai aspek, berdasarkan fakta dan analisis kukuh supaya tidak berulang.

Katanya, penerangan mengenai perkara itu juga sudah dibuat kerajaan sejak dulu dan banyak perkara dapat dipelajari daripada peristiwa berkenaan.

"Polisi yang digubal sejak peristiwa itu sentiasa menitikberatkan perpaduan kaum dan integrasi nasional.

"Oleh itu, perpaduan dan kestabilan yang dicapai membolehkan kerajaan menumpukan perhatian kepada pembangunan negara hingga menjadikan Malaysia negara aman dan makmur seperti hari ini," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Lim Kit Siang (DAP-Ipoh Timur).

Ketua Pembangkang itu meminta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan berhasrat menubuhkan Suruhanjaya Diraja bagi menyiasat insiden 13 Mei dan mengubah status semua dokumen rasmi untuk mendedahkan kebenaran sebagai satu cara mengeratkan integrasi antara kaum sejajar ulang tahun kemerdekaan ke-50.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mengambil pelbagai langkah bagi mengukuhkan hubungan antara kaum seperti program integrasi murid di sekolah dan rumah terbuka peringkat kebangsaan pada setiap perayaan utama.